



Headline: PPIM terima lebih 50 aduan Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 7 June 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 4

PPIM terima lebih 50 aduan Macau Scam

➔ Mangsa diugut, akaun disalah guna sindiket penipuan

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) merekodkan lebih 50 aduan berhubung penipuan sindiket Macau Scam dari awal tahun ini hingga bulan lalu.

Ketua Aktivas PPIM, Datuk Nadzim Johan, berkata dalam sebahagian besar kes, anggota sindiket berkenaan menyamar sebagai anggota polis, pegawai bank dan wakil mahkamah untuk memerangkap mangsa.

Katanya, ada antara mangsa dijadikan 'kambing hitam' apabila akaun bank mereka digunakan bagi melancarkan proses penipuan sindiket itu.

"Macau Scam terbahagi kepada



Ada antara mangsa dijadikan 'kambing hitam' apabila akaun bank mereka digunakan bagi melancarkan proses penipuan sindiket Macau Scam"

Nadzim Johan,
Ketua Aktivas PPIM

dua, yang pertama biasanya individu menyamar sebagai pihak berkuasa dan ugut mangsa untuk memasukkan duit ke dalam akaunnya.

"Kedua, akaun mangsa digunakan sindiket itu dan apabila ia terbongkar mangsa lain akan mencari pemilik akaun berkenaan.

"Orang yang tidak bersalah dijadikan 'kambing hitam' dipanggil polis untuk dirakamkan keterangan. Malah ada yang terpaksa ulang-alik mahkamah untuk membersihkan namanya," katanya pada *BH*, baru-baru ini.

Pada 24 Mei lalu, PPIM menerima satu kes membabitkan aduan seorang wanita berusia lingkungan 20-an yang mendakwa akaun banknya disalahgunakan individu terbabit dengan sindiket Macau Scam.

Nadzim berkata, wanita itu hairan apabila baki dalam akaun banknya yang tidak aktif itu mencecah lebih RM200,000.

"Akaun bank yang disalahgunakan itu tidak aktif, mangsa hanya simpan RM10,000 untuk kegunaan kecemasan. Terdetik untuk periksa baki akaun, mangsa mendapati ada RM210,000 dan pelik mana datangnya RM200,000. Selepas beberapa hari, mangsa periksa lagi

dan dapati RM210,000 itu lesap termasuk wang simpanannya.

Bantu kesan dalam

"Dalam hal ini, PPIM akan membantu mangsa bagi mengesan dalam di sebalik penipuan ini selain mendapatkan maklumat daripada pihak bank termasuk rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan mesin pengeluaran wang (ATM) berkaitan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Presiden Pertubuhan Mesra Pengguna Malaysia (PMPM), Azlin Othman, berkata sebahagian besar sindiket penipuan itu didalangi warga asing yang membuat panggilan telefon secara rambang dengan mendakwa mewakili agensi kerajaan yang terbabit dalam pengeluaran saman atau kompaun.

Beliau berkata, selain panggilan rawak, mereka sudah bijak dalam mendapatkan nombor telefon daripada direktori agensi kerajaan dan juga swasta.

"Golongan sasaran termasuk penduduk dari luar bandar dan yang berusia kerana mereka ini jarang mendapat maklumat mengenai skim penipuan sebegini.

"Bayangkan mereka menerima panggilan telefon yang menyatakan bahawa mereka berhutang ra-

tusan ribu ringgit, sudah tentu akan panik," katanya.

Akhir tahun lalu, PMPM menerima laporan kerugian sindiket Macau Scam berjumlah RM50,000 membabitkan seorang wanita berusia 45 tahun yang ditipu warga Afrika.

Azlin berkata, modus operandi sindiket itu adalah menyamar sebagai lelaki sedang mencari pasangan hidup menggunakan media sosial untuk berkenalan dengan mangsa sebelum meraih kepercayaan mereka sepanjang tempoh perkenalan.

"Selepas mendapat kepercayaan mangsa, lelaki itu akan memaklumkan dia akan menghantar bungkusan yang dikatakan mengandungi berlian. Bagaimanapun, mangsa perlu memasukkan wang RM50,000 ke dalam sebuah akaun bank untuk mendapatkan bungkusan berkenaan.

"Selepas beberapa minggu baru mangsa berasakan ditipu, mangsa membuat laporan kepada PMPM dan pihak berkuasa. Kami dan pihak berkuasa termasuk bank berkaitan tidak boleh berbuat apa-apa kerana akaun bank terbabit sudah ditutup dan suspek lenyap tanpa meninggalkan sebarang petunjuk," katanya.